


Sejarah dan Media Baharu

Prof. Madya Dr Shakila Yacob
Jabatan Sejarah, Universiti Malaya

Perkembangan media baharu yang juga merangkumi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam era globalisasi dunia hari ini membawa pelbagai cabaran baru dalam bidang pendidikan. Penggunaan media baharu terutamanya, pada masa kini telah meningkat dengan ketara dan fenomena ini boleh dilihat dari segi penambahan jumlah pengguna di seluruh dunia. Pendekatan *Digital Humanities* yang menggabungkan aspek teknikal (ICT) dengan disiplin kemanusiaan termasuk Sejarah, menggunakan teknologi pendigitalan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan. Penggunaan teknologi pendigitalan melalui laman web dan rangkaian sosial popular seperti Facebook, Twitter, blogspot dan Pinterest mampu menyalurkan maklumat sejarah secara lebih interaktif, pantas, dan menarik. Disamping itu, maklumat yang mudah dicapai serta mempunyai ruang yang lebih fleksibel dapat meningkatkan usaha penyediaan dan penggunaan bahan bukti. Di Eropah dan Amerika Syarikat, pendekatan sedemikian sememangnya sudah menjadi mekanisme yang sangat popular dan berkesan. Berdasarkan laporan *European Digital Agenda*, Itali pada tahun 2012, dijangka membekalkan 3 juta objek digital untuk tatapan masyarakat Eropah dan antarabangsa.


Di Malaysia, pendekatan *Digital Humanities* dijangka mampu menjadi satu bidang pendidikan yang sangat berkesan memandangkan penggunaan internet dalam kalangan rakyatnya telah mencecah takatpola yang sangat tinggi. Pendedahan awal kepada disiplin ini amat perlu dan boleh dilaksanakan secara berperingkat. Peringkat awal ini bermula pada tahap yang mudah dan ringkas menggunakan pakai alat digital percuma yang mudah diaplikasikan. Menurut penyelidikan **International Data Corporation (IDC)**, penggunaan internet di Malaysia pada tahun 2011 telah menjangkau 16 juta orang dan angka tersebut dijangka akan melonjak kepada 20.4 juta pada tahun 2012. Selari dengan perkembangan tersebut, penggunaan rangkaian-rangkaian sosial turut memberi petunjuk yang sangat memberangsangkan. Pada tahun 2011 sebagai contoh, penggunaan Facebook telah mencecah 11, 816, 200 orang (tempat ke 17 dalam dunia), blog 2.65 juta orang, Pinterest 3.3 juta orang dan Twitter lebih sejuta.

Internet Users in the World Distribution by World Regions - 2012 Q2




Source: Internet World Stats - www.internetworldstats.com/stats.htm
Basis: 2,405,518,376 Internet users on June 30, 2012
Copyright © 2012, Miniwatts Marketing Group

Pengguna Internet di Malaysia (2011)



Pengguna Facebook di Malaysia (2012)



Sumber: Internet World Stats, 2013

Ringkasnya, pendekatan *Digital Humanities* diyakini mampu memberi impak yang sangat signifikan dalam memantapkan penyaluran maklumat sejarah sekaligus mengasuh minat yang mendalam terhadap disiplin sejarah kerana kaedahnya yang sangat *innovative, interactive* dan *attractive*. Sekiranya pendekatan sedemikian diberi peluang seluas mungkin bagi dijadikan alat pengajaran dan pembelajaran di sekolah, sejarah sebagai subjek yang membosankan pastinya menjadi suatu mitos yang hanya dipercayai oleh mereka yang sedang mengalami sindrom daif teknologi.

Media baharu yang berbentuk digital mengalakkan komunikasi tanpa sempadan yang berbentuk interaktif melalui penggunaan internet, media sosial, blog, wiki, sistem pesanan ringkas (sms) dan sebagainya. Penerimaan maklumat yang laju dan cepat ini mewujudkan satu budaya baru yang harus dikawalselia dengan baik supaya aspek positif, dan bukannya negatif dapat diketengahkan.



Rajah 1: Peralatan Media Baharu (<http://www.conversationagent.com>)

Pada hari ini, media baharu menjadi salah satu alat yang penting dalam merevolusikan bidang pendidikan. Media baharu ini meningkatkan kemudahan berkomunikasi dan menawarkan peluang mengakses maklumat yang pelbagai sekaligus menawarkan pelbagai peluang pendidikan yang dapat dieksploitasi sepenuhnya. Melalui alat komunikasi interaktif yang disediakan kita boleh dengan segera menghantar dan menerima mel elektronik (e-mail), mengakses maklumat di laman sosial, *World Wide Web* (WWW), jurnal elektronik, arkib dalam talian, peta dalam talian dan senarai diskusi elektronik. Pendemokrasian pendidikan yang dibawa oleh perkembangan pesat media baharu ini harus dimanfaatkan oleh pendidik Malaysia. Impak positif yang dapat dieksploitasi melalui media baharu ini adalah peluang untuk berkomunikasi dan membina jaringan dengan para pendidik dalam negara dan di peringkat antarabangsa.

Pada masa yang sama, pendemokrasian pendidikan juga menggalakkan para pendidik untuk mula menggunakan pendekatan pelbagai disiplin atau gabungan disiplin (multidisciplinary) dan antara disiplin (interdisciplinary/cross disciplinary) dalam menjadikan pengajaran dan pembelajaran sejarah lebih menarik.

Bagi mencapai tujuan ini, usaha ini memperkenalkan satu pembaharuan dengan menggabungkan disiplin sejarah dengan pelbagai disiplin lain sebagai pelengkap bagi tujuan memperkenalkan pendekatan yang lebih inovatif. Pendekatan ini diharap dapat menarik minat pelajar untuk menghayati disiplin ilmu sejarah dengan baik. Bagi tujuan ini beberapa aplikasi digital yang percuma seperti Google Earth dan Google Map dapat digunakan bagi menggunakan ilmu geografi dalam pengajian Sejarah. Selain aplikasi digital, guru juga boleh mendapatkan peta bersejarah dan masa kini untuk tujuan pengajaran sejarah daripada beberapa laman web rasmi yang sah dan popular seperti Maps of the World (<http://www.mapsofworld.com/>) dan Perry-Castaneda Library Map Collection (Historical Map) di University of Texas at Austin.

WHAT STARTS HERE CHANGES THE WORLD
THE UNIVERSITY OF TEXAS AT AUSTIN

University of Texas Libraries ...celebrating the life of the mind.

Librarie

About the Libraries Research Tools Library Services Resources for You Ask a Map Question

Home > Finding Information > PCL Map Collection > Historical

Maps
 Maps FAQ
 Map Room Guide
 World
 Africa
 Americas
 Asia
 Australia/Pacific
 Europe
 Middle East
 Polar/Oceans
 Russia/Republics
 U.S.
 Texas
 Historical
 Thematic
 Topographic
Other Map Sites
 Map Sites
 Map Dealers
 Cartographic Reference
 City Map Sites
 Country Map Sites
 Historical Map Sites
 Outline Map Sites
 Route Planning Sites
 State Map Sites
 Topical Map Sites
 Weather Map Sites

**Perry-Castañeda Library
Map Collection**

Historical Maps

Historical Maps of **The World**
 Historical Maps of **Africa**
 Historical Maps of **The Americas**
 Historical Maps of **Asia**
 Historical Maps of **Australia and the Pacific**
 Historical Maps of **Europe**
 Historical Maps of **The Middle East**
 Historical Maps of **Polar Regions and Oceans**
 Historical Maps of **Russia and the Former Soviet Republics**
 Historical Maps of **The United States**
 Historical Maps of **Texas**

Army Map Service Topographic Map Series (1945-)
Atlas of Mexico (1975)
Atlas of Texas (1976)
Cambridge Modern History Atlas (1912)
Historical Atlas by William Shepherd (1911)
Historical Atlas by William Shepherd (1923-26)
National Atlas of The United States of America (1970)
Pre-1945 Topographic Maps of the United States (1881-)
Public Schools Historical Atlas by C. Colbeck (1905)

Historical Maps on Other Web Sites

World War II Maps

Asia-Pacific Theater

The following maps were produced by the **U.S. Army Center of Military History**, unless otherwise indicated.


- [Ambon, Netherlands East Indies] - Tan Togy Prisoners of War Camp 1943** "Sketch Map of Tan Togy Prisoners of War Camp, Amboina" from Allied Geographical Section, Southwest Pacific Area. Area Study of Ambon Island, Terrain Study No. 45, 13 January 1943. (429K)
- Aleutians, 1942 - 1943** From the Aleutians Islands Campaign Brochure by George L. MacGarrigle (258K)
- Aleutians - The Capture of Attu, 11 - 30 May 1943** From the Aleutians Islands Campaign Brochure by George L. MacGarrigle (258K)
- Aleutians - Kiska Island, 15 - 16 August 1943** From the Aleutians Islands Campaign Brochure by George L. MacGarrigle (65K)
- Asia and the Pacific - The Japanese Plan and Troop Disposition, November 1941** From the Philippines Campaign Brochure by Jennifer L. Bailey (129K)
- [China-Burma-India Theater] Transportation System 1942-1943** From Stillwell's Mission to China by Charles F. Romanus and Riley Sunderland [Series: United States Army in World War II: China-Burma-India Theater]. Dept. of the Army, Office of the Chief of Military History, 1953.
- China - The Japanese Plan, 3 December 1941** From the China Defensive Campaign Brochure by Mark D. Sherry (129K)

Historical Maps of Asia

- Kandahar Area, Afghanistan 1942** (910K)
 Portion of sheet H-41 F Kandahar. Original scale 1:253,440 Compiled and published originally under the direction of the Surveyor-General of India 1913 and Revised to 1941. Published by the War Office, 1942 and reprinted by the U.S. Army Map Service October 1942. **map key and scale** (147K)
- Kashmir 1902** (2.3MB)
 "Kashmir and the Adjoining Countries Showing Lord Ronaldshay's Route" from Sport and Politics Under an Eastern Sky, William Blackwood and Sons, 1902.
- Kurrachee Harbour [Karachi Harbor] (392K)**
 A Dictionary, Practical, Theoretical, and Historical of Commerce and Commercial Navigation, by J.R. McCulloch. 1882.
- Lahore 1912**
 From A Literary and Historical Atlas of Asia by J.G. Bartholomew. J.M. Dent and Sons, Ltd. 1912.
- Lingayen, Philippines 1944** (175K)
 Published by U.S. Army Map Service, 1944.
- Malacca [Melaka] 1854** (563K)
 "British Territory of Malacca" from An Atlas of the Southern Part of India. Pharoah and Co., Madras 1854.
- Manila 1851** (851K)
 Diccionario Geografico-Estadistico-Historico De Las Islas Filipinas, Madrid 1851.
- Manila 1898** (3.8MB)
 Plano de Manila y sus Arrabales, Francisco J. de Gamoneda ; imp. lit. de Ramon Montes, original scale 1:10,000, 1898.



Sumber: http://www.lib.utexas.edu/maps/historical/malacca_1854.jpg



Sumber: http://www.lib.utexas.edu/maps/historical/asia_1941.jpg

Pendekatan geografi dalam pengajian sejarah amat penting bagi menarik minat dan memudahkan murid untuk memahami pelajaran Sejarah. Pendekatan ini boleh digunakan oleh guru bagi memenuhi keperluan guru melaksanakan program bertaksiran sekolah. Guru boleh memberi latihan kepada murid menggunakan peta dalam memahami sesuatu peristiwa bersejarah yang dibincangkan. Murid dapat mengenalpasti kedudukan geografi dan memahami peristiwa sejarah di kawasan tersebut dan seterusnya pada aras kemahiran berfikir yang lebih tinggi, murid dapat mengaitkan dan menganalisis tingkah laku dan tindakan manusia (termasuk tokoh dan pemimpin) dalam peristiwa tersebut.

Harus diingatkan disini, walaupun pendekatan pelbagai disiplin ditekankan, namun, komponen utama masih merupakan ilmu sejarah berbanding disiplin lain yang membentuk ilmu sampingan bagi melengkapi pengajaran dan pembelajaran sejarah.

Penggunaan teknologi baru ini dalam usaha pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan sejarah masih belum dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pendidik di Malaysia. Salah satu contoh terkini adalah penggunaan platform yang disediakan oleh media sosial. Ini termasuk Youtube, twitter, facebook, LinkedIn, pinterest, blog dan sebagainya. Media sosial sebenarnya menyediakan satu platform yang amat menarik dan mudah untuk para pendidik berinteraksi dengan murid daripada generasi Y yang rata-rata amat selesa dengan penggunaan media baru ini. Penggunaan media sosial masih belum difahami sepenuhnya oleh para pendidik walaupun ramai yang sering mendengar dan mempunyai pengetahuan mengenai media baru ini. Ramai juga yang menggunakan media baru ini semata-mata untuk tujuan peribadi terutama sekali untuk berhubung dan berinteraksi dengan rakan dan keluarga. Penggunaan media sosial sekiranya dieksploitasi dengan baik dapat memanfaatkan pengajaran dan pembelajaran sejarah. Youtube sebenarnya merupakan platform yang juga dapat digunapakai oleh guru dalam menimbulkan minat pelajar terhadap sejarah. Pendekatan lisan atau sejarah lisan mengenai sesuatu peristiwa bersejarah umpamanya boleh memanfaatkan platform Youtube dengan berkesan. Harus diingatkan bahawa sumber lisan harus juga di seimbangkan dengan penggunaan sumber lain seperti buku, artikel jurnal dan dokumen rasmi.

Namun tidak dinafikan terdapat beberapa aspek dalam penggunaan sosial media yang harus diperhatikan dan dielakkan. Terdapat kekangan dari segi budibicara atau adab penggunaan dan juga kadangkala keesahan sumber. Dari aspek teknikal, kelajuan dan capaian internet juga boleh menghadkan penggunaan media sosial sebagai platform pengajaran dan pembelajaran sejarah.

Internet juga menyediakan ruang untuk menjalankan usaha penyelidikan. Para pengguna harus bijak memilih laman yang disediakan oleh agensi kerajaan, universiti dan perpustakaan, sekolah termasuk arkib dan muzium di seluruh dunia. Laman yang dibina oleh agensi dan universiti contohnya menyediakan maklumat yang sah dan boleh diguna pakai untuk aktiviti penyelidikan dan penulisan. Kebanyakan laman web berbentuk interaktif yang disediakan oleh pihak perpustakaan contohnya, memaparkan beberapa pangkalan data dalam talian (online database). Guru dapat mengakses kemudahan elektronik yang disediakan oleh perpustakaan ini dan mencapai pangkalan data dalam talian yang dapat memenuhi keperluan penyelidikan sejarah. Ini termasuklah J-STOR, LEXIS-NEXIS, ProQuest, EBSCOhost dan juga ERIC (*Education Resources Information Center*). Pangkalan data ini menyediakan pelbagai bahan yang mudah dimuat turun dan dicapai melalui internet.

Di samping itu beberapa arkib di seluruh dunia juga telah menyediakan pelbagai kemudahan kepada para penyelidik untuk mengakses sumber arkib. Arkib yang banyak menyediakan sumber mengenai sejarah Malaysia contohnya, selain dari Arkib Negara Malaysia adalah Arkib Negara U.K. yang terletak di Kew Gardens, London. Di laman web arkib ini, para pengguna dapat mengenal pasti bahan yang ada dan dapat dimanfaatkan untuk usaha penyelidikan. Arkib Negara A.S. juga menyediakan kemudahan yang sama tetapi pihak arkib ini lebih hebat dari segi mendigitasi koleksi dokumen dan surat peribadi dan lain-lain sumber sehingga memudahkan pengguna untuk mengakses dari mana sahaja kita berada. Begitu juga dengan Arkib Negara Singapura dan *National Library Board* (NLB) di negara tersebut yang banyak mendigitasikan koleksi mereka. Perpustakaan utama ini, contohnya menyediakan akses percuma kepada koleksi surat khabar yang diterbitkan sejak 1831 sehingga 2009 dalam simpanan mereka. Koleksi surat khabar ini termasuk *Warta Malaya*, *The Straits Budget*, *The Singapore Free Press*, *The Straits Times* dan juga *Sin Chew Jit Poh*, *Nanyang Siang Pau* dan *Tamil Murasu*. Apa

yang menarik, NLB juga mengajak masyarakat Singapura untuk menyerahkan gambar lama dalam koleksi mereka kepada pihak NLB untuk didigitalkan bagi kegunaan orang ramai (sesetengah gambar masih tertakluk bawah harta intelek) di seluruh dunia.


The screenshot shows the National Library Board Singapore website. The main navigation bar includes 'Home', 'About', and 'Bookmark'. The search bar is prominently displayed. Below the search bar, there are sections for 'Access eResources', 'eResources For' (listing Primary School Students, Secondary School Students, Professionals, Seniors, and Public Officers), and 'Browse' (listing various subjects like ALL, Arts, Business, Science & Technology, Social Sciences & Humanities, Asian, For Teens, and For Children). The 'Singapore Resources' section features a 'Showcase of websites' with links to 'PictureSG' and 'eDatabases'. The 'eDatabases' section lists 'Singapore 1000 complete', 'ProQuest ABINFORM complete', 'Business monitor online', 'Factiva.com', and 'JSTOR: the scholarly journal archive'. The 'eNewspapers' section lists 'Singapore & International Newspapers' and 'The Business Times'. A red arrow points from the 'PictureSG' link in the 'eResources For' section to a separate window showing the 'PictureSG' website. The 'PictureSG' website displays a collage of historical photographs and a search bar. Below the 'PictureSG' window, the URL 'http://pictures.nlb.sg/' is provided.

<http://www.nlb.gov.sg/>

Kemudahan Internet sebenarnya banyak dapat membantu dalam aktiviti penyelidikan dan penulisan sejarah. Dengan menggunakan enjin carian perpustakaan dan pengguna berjaya mengenal pasti bahan penyelidikan yang disediakan oleh lokasi ini. Ini bererti pengguna dapat mengakses sumber bahan tersebut dalam talian dan sekiranya relevan dengan kajian yang dijalankan pengguna dapat menghubungi pustakawan tersebut melalui e-mail dan memohon agar bahan kajian tersebut dihantar kepada penulis. Perkhidmatan sebegini disediakan oleh kebanyakan arkib dan perpustakaan di seluruh dunia. Contohnya, setelah menjalankan carian di laman web Arkib Negara U.K. (Public Records Office) pengguna dapat mengenal pasti sumber yang diperlukan untuk penyelidikan yang sedang diusahakan. Dengan ini, pengguna dapat menghubungi arkivis di situ dan memohon bahan untuk dihantar. Bayaran untuk perkhidmatan ini juga dapat dilakukan dalam talian. Sekiranya, penyelidik mempunyai peruntukkan kewangan untuk pergi ke arkib tersebut menjalankan penyelidikan, masa dapat dijimatkan ketika berada di sana kerana koleksi dan bahan telah dapat dikenal pasti. Proses yang sama dilakukan dapat dilakukan sekiranya pengguna ingin

menjalankan penyelidikan di Library of Congress, Washington D.C. dan juga di Arkib Negara A.S. cawangan Maryland.

Bank of England contohnya mempunyai banyak bahan kajian mengenai sejarah Malaysia. Pengguna boleh memohon kebenaran mendapatkan bahan dari Bank tersebut. Walaupun bahan tersebut masih belum lagi mencecah tempoh 30 tahun (tempoh di mana sesuatu dokumen rasmi tidak lagi dianggap sulit atau dokumen deklasifikasi), pengguna boleh memperoleh bahan yang disimpan di bank tersebut dengan menggunakan justifikasi *Freedom of Information* (FOI). FOI disokong oleh kebanyakan negara Barat termasuk Britain dan Amerika Syarikat bertujuan untuk memberi hak kepada orang awam mengakses dokumen rasmi kerajaan. Ini bererti setiap kajian dapat dilakukan sehingga masa terdekat dan tidak perlu menunggu tamatnya tempoh antara 25 hingga 30 tahun sesuatu peristiwa itu berlalu. Syarat ini pasti dapat merevolusikan kajian Sejarah Malaysia memandangkan bahan kajian mengenai sejarah Malaysia banyak disimpan di Arkib Negara U.K., Bank of England, London Metropolitan Archives dan juga British Library yang tertakluk di bawah FOI. Begitu juga di Arkib Negara AS dan Central Intelligence Agency (CIA) contohnya yang banyak menyimpan dokumen rasmi mengenai Malay(a)sia.



What is the Electronic Reading Room?

The FOIA Electronic Reading Room is provided as a public service by the CIA and its Office of Information Management. Here you can view previously released documents released through the FOIA and other disclosure statutes. If you would like to view our previously released documents and collections, visit our Frequently Requested Records, our Special Collections, and our 25 Year Program Archive.

<http://www.foia.cia.gov/>

Sample FOIA Request Letter

Date

Information and Privacy Coordinator
Central Intelligence Agency
Washington, D.C. 20505

Dear Coordinator:

Under the Freedom of Information Act, 5 U.S.C. subsection 552, I am requesting information or records on **[identify the subject(s) or record(s) as clearly and specifically as possible --for example, all previously released National Intelligence Estimates (NIEs) on the former Soviet Union's space program]**.

If there are any fees for searching for, reviewing, or copying the records, please notify me before processing if the amount exceeds _____ (dollar amount preference).

If you deny all or any part of this request, please cite each specific exemption you think justifies your refusal to release the information and notify me of appeal procedures available under the law.

Optional: If you have any questions about handling this request, you may telephone me at (home phone) or at my (office phone). Sincerely,

Name
Address

Jelas di sini, segala usaha penyelidikan boleh dilakukan dalam talian dan dengan adanya kemudahan Internet, jarak atau lokasi jauh tidak lagi menjadi halangan besar untuk mengakses bahan penyelidikan.

Selain itu, pengguna boleh menggunakan enjin carian Google yang popular untuk mengenal pasti kajian atau contoh rancangan mengajar yang ada di Internet. Bagi para sejarawan di universiti contohnya, Google Scholar sering menjadi tumpuan. Ini kerana Google Scholar menyediakan juga bahan lain yang memetik daripada bahan utama yang telah dikenal pasti. Dengan itu, dalam masa yang singkat para pengguna dapat mengenal pasti historiografi terkini penyelidikan yang bakal di jalankan. Pengguna juga boleh mengenal pasti sarjana atau akademik yang pakar dalam bidang kajian masing-masing dan berusaha mendapat kerjasama daripada sarjana dalam dan luar negara dalam usaha memperoleh bahan kajian yang diperlukan. Pengguna boleh menggunakan e-mel ahli akademik berkenaan melalui Google (iaitu dengan menaip nama mereka) untuk berhubung dengan mereka. Ramai dalam kalangan mereka akan membalas e-mel yang dihantar serta menjawab persoalan yang dikemukakan. Malahan, ada juga yang sanggup menghantar melalui pos atau e-mel bahan kajian yang diperlukan oleh pengguna seperti artikel jurnal. Kemudahan internet yang disediakan dapat memupuk satu budaya penyebaran dan perkongsian maklumat bukan sahaja di peringkat nasional tetapi juga global.

Google scholar

Shakila Yacob - Google Scholar Citations

Shakila Yacob ^{ORCID}
Associate Professor of Business History, University of Malaya ^{ORCID}
Business history - international business and malaysian history ^{ORCID}
Verified email at um.edu.my ^{ORCID}
My profile is public ^{ORCID} [View](#) [Homepage](#) ^{ORCID}

Citation indices

All	Since 2008
Citations 20	20
h-index 3	3
i10-index 0	0

Citations to my articles

Select: All, None Actions

Title / Author	Cited by	Year
The Unfinished Business' of Malaysia's Decolonization: The Origins of the Guthrie Dawn Raid' S Yacob, N J White Modern Asian Studies 44 (05), 919-960	6	2010
The United States and the Malaysian Economy S Yacob, T Francis Routledge	5	2008
Model of Welfare Capitalism? The United States Rubber Company in Southeast Asia, 1910-1942 S Yacob Enterprise and Society 8 (1), 130-174	5	2007
Trans-generational renewal as managerial succession: The Behn Meyer story (1840-2000) S Yacob Business History 54 (7), 1168-1185	1	2012
Managing Malaysia-Indonesia relations in the context of democratization: the emergence of non-state actors K M Khalid, S Yacob International Relations of the Asia-Pacific 12 (3), 355-387	1	2012
Ford's Investment in Colonial Malaysia, 1926-1957 S Yacob Business History 54 (7), 1168-1185	1	2010
Emancipating disciplines: An analysis of the commodification of automobiles and advertisements in colonial Malaya N B Badarudin, S Yacob Contributions: Journal of Media & Cultural Studies 22 (1), 99-111	1	2008
3 Ethnicity, economy, and affirmative action in Malaysia H A Lee, E T Gomez, S Yacob Affirmative Action, Ethnicity and Conflict, 67		2012
Adapt or Divest? The New Economic Policy and Foreign Businesses in Malaysia (1970-2000) S Yacob, K M Khalid The Journal of Imperial and Commonwealth History 40 (3), 459-482		2012

The 'Unfinished Business' of Malaysia's Decolonisation: The Origins of the Guthrie...

Search within citing articles

[Multinational strategies and developing countries in historical perspective](#)
S Jones - Harvard Business School Entrepreneurial... 2010 - papers.ssrn.com
Abstract: This working paper offers a longitudinal and descriptive analysis of the strategies of multinationals from developed countries in developing countries. The central argument is that strategies were shaped by the trade-off between opportunity and risk. Three broad ...
Cited by 6 Related articles All 7 versions Cite

[The London Dawn Raid and its Effect on Malaysian Plantation Workers](#)
S S Raja - Indonesia and the Malay World, 2012 - Taylor & Francis
The London Dawn Raid refers to the attempt by the Malaysian government to take control of the plantation giant, Guthrie Corporation at the London Stock Exchange on 7 September 1981. It was part of a strategy by which Malaysia acquired controlling interest over flagship ...
Cited by 2 Related articles All 2 versions Cite

[HIDDEN DISCIPLINES IN MALAYSIA: THE ROLE OF BUSINESS HISTORY IN A MULTI-DISCIPLINARY FRAMEWORK](#)
S Yacob - Australian Economic History Review, 2009 - Wiley Online Library
Business history is an essential complementary analytical tool to provide insights into business-related topics that might otherwise be overlooked by other disciplines. Its evolutionary and historical perspectives help to broaden the study of diverse aspects of ...
Related articles All 7 versions Cite

[Adapt or Divest? The New Economic Policy and Foreign Businesses in Malaysia \(1970-2000\)](#)
S Yacob, K M Khalid - The Journal of Imperial and ... 2012 - Taylor & Francis
This study explores the interplay between state policies and business strategies of foreign firms in Malaysia during and in the aftermath of decolonisation. Drawing from newly released British and US sources, this study demonstrates that distrust of state enterprises ...
Related articles All 2 versions Cite

[3 Ethnicity, economy, and affirmative action in Malaysia](#)
H A Lee, E T Gomez, S Yacob - Affirmative Action, Ethnicity and ... 2012 - books.google.com
A convergence of factors have compelled and facilitated the breadth and intensity of Malaysia's affirmative action. Malaysia is one of a few countries where a majority and politically dominant ethnic group, the Bumiputera, was socially excluded and ...
Related articles Cite

[Secretly SasSung: Stealth Adoption of Software-as-a-Service from the Embeddedness Perspective](#)
E Zainuddin - 2013 - aisel.atanet.org
Abstract Despite the wealth of research in innovation adoption, most studies assume innovation adoption to be a top-down process that is conducted with the knowledge of top management and all organizational units held responsible for managing the innovation ...
Related articles Cite

Create alert

Selain itu, para pendidik juga harus mengeksploitasi sepenuhnya kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang ditawarkan oleh Internet melalui penggunaan senarai diskusi. Senarai diskusi menyediakan ruang untuk wacana intelektual mengenai pengajaran dan pembelajaran ilmu sejarah. Pengguna dapat membina satu jaringan global dengan para sarjana dan pendidik yang berminat untuk meningkatkan potensi pendidikan yang ditawarkan oleh Internet. Pengguna juga dapat mengikuti dengan rapat perkembangan atau aliran historiografi bidang kajian mereka sekiranya melanggan senarai diskusi yang bertepatan dengan bidang kajian masing-masing. Adalah menjadi tanggungjawab setiap pendidik untuk mengenal pasti semua penerbitan yang relevan dengan bidang kajian mereka. Malahan, seorang pendidik digalakkan menyertai seminar dan persidangan peringkat tempatan dan antarabangsa supaya dapat berkongsi pandangan, menerima kritikan membina dan mewujudkan jaringan dengan murid serta para akademik yang terlibat dalam bidang penyelidikan yang sama.

Senarai diskusi elektronik menyediakan saluran yang baik dalam mengakses sumber dan membina jaringan global bagi tujuan mewujudkan wacana intelektual bidang pelbagai bidang sejarah. Salah satu yang popular adalah EH.Net. Beberapa organisasi ternama terlibat dengan EH.Net seperti *Economic History Association*, *Business History Conference* dan *Economic History Society*. EH.Net juga menyediakan pelbagai jenis maklumat bagi penulis yang ketika itu merupakan seorang murid dan juga pada masa kini sebagai seorang sejarawan perniagaan dan pendidik sejarah. Senarai diskusi ini juga memuatkan koleksi abstrak berkaitan sejarah ekonomi, bibliografi, ulasan buku, pangkalan data, sukatan kursus, direktori dan maklumat mengenai seminar dan persidangan yang akan diadakan di seluruh dunia.

Sementara pembinaan jaringan antarabangsa merupakan satu usaha yang baik, adalah penting juga untuk mengikuti perkembangan wacana intelektual tempatan. Jabatan sejarah di institusi pengajian tinggi awam amat aktif dalam aktiviti keilmuan memajukan disiplin sejarah. Maka, para pendidik sejarah harus menyertai aktiviti ini dalam usaha meningkatkan pengetahuan mengenai ilmu sejarah dan membina jaringan dengan para sejarawan di universiti.

Sesetengah dalam kalangan masyarakat Malaysia masih menganggap Internet sebagai satu sumber yang tidak boleh dipercayai dan merupakan satu aktiviti yang memakan masa. Walau bagaimanapun, sifat positif harus dipupuk dalam mengeksploitasi kemudahan yang disediakan oleh Internet. Ini kerana Internet merupakan alat yang berharga bagi tujuan pengajaran dan penyelidikan sejarah, ia juga sangat bernilai bagi tujuan pembangunan profesional diri dan menyediakan arah bagi tujuan peningkatan intelektual dan pembangunan diri. Malangnya, di Malaysia sebahagian besar dari pendidik dan murid sejarah masih tidak mengetahui atau menggunakan kemudahan dan sumber yang disediakan oleh Internet apatah lagi menggunakannya secara berkesan.

Usaha ini selain memberi idea dan pandangan bagaimana seseorang sejarawan, murid dan pendidik sejarah dapat memanfaatkan ICT turut menghuraikan bagaimana penggunaan berkesan inovasi teknologi ini dapat membawa faedah yang besar dalam pembelajaran dan pengajaran sejarah. Pelbagai contoh dan aktiviti yang telah dilakukan oleh sejarawan Barat dan kejayaan mereka dalam usaha mengintegrasikan sejarah dengan teknologi baru ini dapat dilihat di Internet. Terdapat beribu laman web di Internet merujuk kepada pembelajaran dan pengajaran sejarah. Kepelbagaian sumber primer, sekunder dan visual, tiga sumber berbeza yang penting untuk kajian disiplin sejarah terdapat di Internet. Usaha ini akan cuba mengemukakan segala pembaharuan merujuk kepada disiplin sejarah di Internet. Dengan ini, penggunaan media baharu dapat memperkasakan ilmu sejarah.